

Konsep Kedaulatan Negara Dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia: Analisis Berdasarkan Perspektif Siyadah Syariyyah

Norshafiqah Humairah Abu Samah¹

Nur Syuhada Abdul Razak²

Nurul Izzah Mohd Latifi³

Muhammad Afifi Abdul Hamid⁴

ABSTRAK

Kajian ini membincangkan konsep kedaulatan negara dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia berdasarkan perspektif siyadah syariyyah. Perlembagaan Persekutuan merupakan set undang-undang tertinggi di Malaysia yang telah digunakan sejak negara mencapai kemerdekaan pada tahun 1957. Perlembagaan ini mengandungi 183 perkara dan ianya telah digubal ketika Malaysia berada di bawah pemerintahan British. Oleh kerana ianya digubal ketika Malaysia berada di bawah pemerintahan British, maka terdapat beberapa perkara yang menjadi pertikaian jika diteliti berdasarkan perspektif siyadah syariyyah. Kajian ini menggunakan metode kualitatif dan kajian perpustakaan dengan menganalisis pelbagai sumber primer dan sumber sekunder. Dapatkan kajian mendapati bahawa kedaulatan negara yang terdapat dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia tidak mencapai konsep kedaulatan sebagaimana yang digariskan oleh siyadah syariyyah kerana peruntukan sedia ada di dalamnya tidak meletakkan konsep hākimiyah di tahap yang tertinggi. Implikasi tersebut menyebabkan Malaysia tidak dapat melaksanakan undang-undang Islam seperti hudud, qisas dan sebagainya selama mana tidak meminda beberapa peruntukan sedia ada dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia pada ketika ini.

Kata kunci: Kedaulatan, Siyadah Syariyyah, Perlembagaan Persekutuan Malays

¹ Pelajar Sarjana Muda, Jabatan Syariah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur.

² Pelajar Sarjana Muda, Jabatan Syariah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur.

³ Pelajar Sarjana Muda, Jabatan Syariah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur.

⁴ Pelajar Pascasiswazah, Jabatan Siasah Syariyyah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur. Email: Alfaqir_afifi@yahoo.com.my

ABSTRACT

This paper discusses the concept of state sovereignty in the Federal Constitution of Malaysia based on perspective of Siyadah Syariyyah. The Federal Constitution is the highest law in Malaysia since the country gained independence in 1957. It contains 183 articles and was drafted during Malaysia's period under British colonization. There are some issues that are subject to dispute when examined the Federal Constitution from the perspective of Siyadah Syariyyah. This study uses a qualitative method and library method by analysing various primary and secondary sources. The study findings indicate that the state sovereignty present in the Federal Constitution of Malaysia does not fully align with the concept of sovereignty as outlined by Siyadah Syariyyah because the existing provisions do not place the concept of Hakimiyah at the highest level. This implication prevent Malaysia from implementing Islamic law such as hudud, qisas and others unless certain provisions in the Federal Constitution of Malaysia are amended at the current time.

Keywords: Sovereignty, Siyadah Syariyyah, Federal Constitution of Malaysia

PENDAHULUAN

METODOLOGI PENYELIDIKAN

Kajian ini mempraktikkan pendekatan kaedah kualitatif berdasarkan dua kaedah utama iaitu kaedah pengumpulan data dan kaedah analisis data. Bagi kaedah pengumpulan data, pengkaji menggunakan pendekatan proses dokumentasi serta kajian perpustakaan bagi mendapatkan data-data primer dan sekunder berbentuk dokumen rasmi, buku, kertas kajian ilmiah dan lain-lain. Selepas selesai proses pertama daripada kaedah pengumpulan data, pengkaji menggunakan kaedah analisis kandungan bagi menganalisis data-data yang diperolehi dan diterjemahkan dapatan-dapatan tersebut dalam kajian pada kali ini. Data-data ini dibandingkan pengkaji dengan data-data rasmi daripada sumber-sumber lain selain kajian-kajian oleh beberapa pengkaji Barat.

HASIL KAJIAN

Sejarah Konsep Kedaulatan Negara

Secara bahasa, kedaulatan dapat diertikan sebagai kuasa tertinggi yang terdapat di sesebuah negara merdeka. Kedaulatan memiliki pengertian yang sama dengan terma “*sovereignty*” dalam bahasa Inggeris. Terma “*sovereignty*” dalam bahasa Inggeris adalah berasal daripada perkataan Latin iaitu “*superanus*” iaitu kuasa tertinggi atau perkara yang paling berkuasa. Perkara yang paling berkuasa ini meliputi yang terdapat di sesuatu entiti, orang, benda dan sebagainya.

Di Barat, Jean Bodin, ahli falsafah Perancis adalah merupakan pelopor yang membincangkan falsafah kedaulatan atau “*sovereignty*” ini. Perbincangan Bodin terkait kedaulatan negara adalah sejak kurun ke-16 melalui bukunya yang terkenal “*Six Books of the Commonwealth*”. Dalam bukunya, Bodin menerangkan bahawa kedaulatan adalah

suatu kuasa yang tertinggi dan ianya menjangkaui sistem perundangan dalam sesebuah negara⁵.

Menurut Bodin, selain kepada entiti dan benda, kebiasaannya kuasa tertinggi ini disandarkan kepada rakyat atau orang dalam negara dan tidak disandarkan kepada mana-mana institusi mahupun organisasi tempatan. Scenario ini terjadi kerana pada zaman tersebut telah berlakunya satu pertembungan yang amat dahsyat di antara rakyat dan juga gereja-gereja Kristian di Eropah berikutan kebobrokan sistem institusi keagamaan tersebut semasa Zaman Kegelapan.

Selain Bodin, John Lock juga berpandangan bahawa kuasa tertinggi dalam sesebuah negara perlu disandarkan kepada masyarakat. Menurut Lock, kuasa tertinggi ini disandarkan kepada masyarakat awam kerana lazimnya pemerintahan sebegini adalah berdasarkan kesepakatan majoriti dan ianya lebih telus. Ketelusan dalam pemerintahan akan menjamin sistem pentadbiran yang baik di sesebuah negara.

Dalam kekuasaan atau pemerintahan tertinggi dalam negara, Lock memperkenalkan sistem Pembahagian Kuasa atau “*Separation of power*” bagi menjamin ketelusan pemerintahan negara. Tiga bahagian dikelaskan oleh Lock iaitu Legitatif, Federatif dan Eksekutif. Legislatif atau perundangan menjadi badan yang memegang kedaulatan negara menurut Lock kerana badan ini akan bertanggungjawab menggubal undang-undang dalam sesbuah negara melalui sistem Pembahagian Kuasa.

Berbeza dengan Lock, Montesqueiu lebih cenderung untuk mengangkat idea kedaulatan negara terletak kepada kedaulatan rakyat melalui sistem pemerintahan secara demokrasi. Menurut Montesqueiu, rakyat dalam sesebuah negara menjadi tonggak kedaulatan dan mereka menjadi pemegang kuasa tertinggi negara. Montesqueiu menyatakan bahawa kedaulatan negara tidak akan terlaksana seandainya kuasa pemerintahan tidak diserahkan kepada rakyat.

Menurut fahaman Montesqueiu, pemimpin negara seharusnya dipilih oleh rakyat melalui pilihanraya bagi menjamin kedaulatan negara. Justeru itu, demokrasi adalah sebagai asas dalam menyandarkan rakyat sebagai kuasa tertinggi dalam sesebuah negara. Slogan “pemerintahan dari rakyat, oleh rakyat dan untuk rakyat” merupakan cerminan pengertian yang menjelaskan bahawa kekuasaan tertinggi yang berada dalam sesebuah pemerintahan atau negara itu adalah terletak di tangan rakyat. Kekuasaan tertinggi ini dapat difahami sebagai konsep kedaulatan negara sehingga kini.

Ciri-Ciri Negara Berdaulat

Kedaulatan sangat penting untuk memastikan sesebuah negara mendapatkan pengiktirafan daripada negara luar seterusnya menjamin hubungan antarabangsa yang baik dalam sistem antarabangsa. Peingiktirafan sesebuah negara oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) menjadi kayu ukur bagi kedaulatan negara-negara dalam sistem antarabangsa kini. Terdapat empat ciri bagi negara berdaulat menurut sarjana semasa iaitu memiliki pemerintahan, sempadan, perundangan atau kuasa dan rakyat.

⁵ Muhammad Firdaus Zalani dan Anwar Fakhri Omar, Importance of Syaradat Al-shari'ah in Siyasah Syar'iyyah, *Journal of Advanced Research in Social and Behavioural Sciences* 15(1) 2019, pp. 69-84.

a. Pemerintahan

Bagi membentuk sebuah pemerintahan dalam sesebuah negara, sudah semestinya setiap negara perlu mempunyai pemerintah atau pemimpin yang bertindak menjalankan pentadbiran. Sebagaimana dinyatakan sebelum ini, pemerintah akan dipilih oleh rakyat melalui pilihanraya berdasarkan sistem demokrasi. Calon-calon yang dipilih secara sah dalam pilihanraya akan bertindak sebagai pemimpin di sesebuah negara selain bertanggungjawab menjamin kedaulatan negara. Ketiadaan pemerintahan yang sah akan mengganggu urusan pentadbiran seterusnya menyebabkan ketidakstabilan negara.

b. Sempadan

Ciri kedua yang perlu dimiliki oleh sebuah negara berdaulat ialah memiliki sempadan geografi. Sempadan geografi yang dimaksudkan dalam konteks negara adalah garis pemisah daratan, lautan dan udara antara satu negara dengan negara yang lain. Sempanadan geografi atau garis pemisah ini penting bagi menentukan pemilikan wilayah-wilayah kekuasaan sesebuah negara. Sebuah negara yang berdaulat seharusnya mempunyai sempadan yang kukuh dan jelas antara negara-negara jiran.

Mengambil contoh, mengikut perkembangan geografi di Malaysia, negara Malaysia berkongsi sempadan darat, udara dan air dengan negara jiran seperti Singapura, Thailand, Brunei, Filipina, dan Indonesia. Penetapan sempadan antara negara ini dapat memudahkan urusan yang berkaitan dengan pemerintahan, pentadbiran, pertahanan dan pembangunan ekonomi negara Malaysia.

c. Perundangan Atau Kuasa

Kewujudan sistem perundangan merupakan perkara asas untuk membentuk peraturan atau undang-undang di sesebuah negara. Kewujudan sistem ini bertujuan untuk memelihara kesejahteraan negara selain bertindak untuk melindungi hak-hak dalam negara. Selain itu, sistem perundangan diwujudkan bertujuan untuk menjamin keadilan rakyat dalam apa jua keadaan selama mana masih dalam cakupan perundangan negara. Kebiasaan dalam negara moden kini, asas perundangan adalah berpandukan kepada perlembagaan sesebuah negara dan ianya merupakan kuasa tertinggi yang menjadi tonggak kedaulatan negara. Melalui sistem Demokrasi Berparlimen, Parlimen bertanggungjawab untuk menggubal dan membuat undang-undang berdasarkan peruntukan-peruntukan yang terdapat dalam perlembagaan sesebuah negara sebelum perlaksanaannya di semua peringkat secara saksama.

d. Rakyat

Ciri keempat negara berdaulat ialah memiliki rakyat yang bernaung di bawahnya. Rakyat merupakan satu kumpulan masyarakat yang menjadi penduduk di sesebuah kawasan atau wilayah dalam negara. Setiap rakyat tersebut akan terikat kepada undang-undang dan peraturan yang dikuatkuaskan oleh pemerintah dalam negara. Di Malaysia, rakyat negara ini sangat unik dimana masyarakat majmuk di sini terdiri daripada pelbagai kaum, agama dan adat resam.

Rakyat Malaysia yang bebilang bangsa disatukan melalui satu bahasa dan kebudayaan untuk membentuk sebuah negara yang makmur dan harmoni. Prinsip Rukun Negara yang diketengahkan di Malaysia merupakan falsafah ideologi nasional dimana semua rakyat di Malaysia mempunyai identiti nasional yang sama. Perpaduan rakyat sangat penting untuk meneruskan kehidupan sebagai masyarakat yang bersatu padu.

Kedaulatan Negara Dalam Sistem Negara Bangsa

Kedaulatan atau *sovereignty* merupakan perkara penting dalam memastikan keamanan sesuatu negara itu dapat dikekalkan. Kedaulatan juga berbeza mengikut bentuk pemerintahan yang diamalkan oleh sesebuah negara. Setiap negara itu mempunyai hak dalam menentukan bentuk dan juga jenis kedaulatan yang ingin diamalkan. Terdapat beberapa jenis kedaulatan seperti kedaulatan tradisional, kedaulatan moden, kedaulatan undang-undang dan kedaulatan antarabangsa. Subtopik ini memberi penumpuan untuk membincangkan kedaulatan antarabangsa sahaja.

Kedaulatan antarabangsa (*international sovereignty*) adalah merujuk kepada pengiktirafan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) terhadap sesebuah negara yang tidak boleh dicabuli oleh negara lain. Sebagaimana dinyatakan sebelum ini, peingiktirafan sesebuah negara oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) menjadi kayu ukur bagi menentukan kedaulatan negara-negara dalam sistem antarabangsa kini.

Dalam Deklarasi Hubungan Persahabatan PBB 1970, telah mengesahkan bahawa prinsip persamaan kedaulatan adalah dari segi undang-undang antarabangsa. Keanggotaan negara dalam PBB telah membuktikan bahawa sistem antarabangsa mengiktiraf Malaysia sebagai sebuah negara berdaulat yang bebas dan merdeka sejak tarikh kemerdekaan tahun 1957.

Kedaulatan negara yang merupakan negara yang merdeka itu tidak berada di bawah kuasa mana-mana negara lain sama ada untuk memerintah, menggubal undang-undang dan sebagainya. Negara berdaulat itu adalah negara yang mempu mencipta undang-undang sendiri, mengendalikan sistem kehakiman (judisiari) sendiri dan mentadbir negara sendiri dengan berkesan. Justeru itu, kedaulatan negara juga merupakan asas kepada hubungan antarabangsa yang mana konsep hubungan antarabangsa ini memberi penumpuan tentang bagaimana sesebuah negara dalam sistem antarabangsa dibenarkan untuk berinteraksi antara satu sama lain.

Sesebuah negara dinyatakan berdaulat sekiranya ia mampu dan berupaya dalam mengawal hal ehwal dalam negerinya sendiri dan bebas untuk mengadakan hubungan luar dengan negara-negara yang lain. Hubungan antarabangsa antara sebuah negara dengan negara yang lain kebiasannya dilakukan disebabkan beberapa dorongan seperti kerjasama ekonomi, keselamatan, perdagangan, pendidikan, kebudayaan dan sebagainya.

Kebebasan sesebuah negara melaksanakan kerjasama dengan negara-negara lain tanpa campurtangan luar menjadi salah satu kayu ukur yang menjamin kedaulatan negara.⁶ Kesimpulannya, berdasarkan sistem Negara Bangsa, Malaysia merupakan sebuah negara berdaulat dalam sistem antarabangsa dan ianya termaktub dalam Deklarasi Hubungan Persahabatan PBB 1970 sehingga kini.

Kedaulatan Negara Berdasarkan Perspektif Siyādah Syariyyah

Menurut bahasa, perkataan kedaulatan dikenali sebagai *siyādah* dalam bahasa Arab. Perkataan ini berasal daripada kata *sāda – yasūdu – siyādah* yang membawa erti ketua. Dari segi istilah pula, al-Utaibi memberi pandangan bahawa istilah *siyādah* pada perspektif negara dapat difahami dengan dua makna samada kedaulatan negara atau kedaulatan di

⁶ Mohd. Ainuddin Iskandar Lee Abdullah, “Kedaulatan Dan Keselamatan Negara Tanggungjawab Bersama”, Seminar Antarabangsa Nilai dalam Komuniti Pasca Modernisme, 2004.

dalam negara. Kedaulatan negara bermaksud sesebuah negara adalah tidak terikat dengan mana-mana pihak untuk bertindak atau membuat undang-undang dalam negara. Manakala kedaulatan di dalam negara bermaksud kuasa undang-undang tertinggi yang menaungi pemerintahan dalam sesebuah negara dalam sistem antarabangsa.⁷

Salah Sawi pula menyatakan *siyādah syariyyah* bermaksud mengiktiraf bahawa Syarak sebagai satu-satunya *al-hākim* (pemberi kata putus), sumber arahan atau larangan, sumber halal atau haram serta menerima apa sahaja yang disumberkan daripadanya terhadap segala tindakan serta polisi dalam pentadbiran negara.⁸ Selain itu, al-‘Utaibi juga telah menyimpulkan jika dilihat maksud *siyādah syariyyah* adalah kuasa tertinggi serta tidak ada yang setara atau lebih tinggi darinya maka bagi kita sebagai seorang muslim, ciri tersebut hanya ada pada Islam dan tidak ada pada entiti yang lain.⁹

Berdasarkan istilah tersebut dapat disimpulkan bahawa negara berdaulat berdasarkan perspektif *siyādah syariyyah* dapat diertiakan sebagai negara yang boleh membuat tindakan secara bebas, tidak terikat dengan mana-mana pihak, meletakkan hukum-hukum Islam sebagai garis panduan utama ketika menggubal undang-undang dan menjadikan Syarak sebagai kuasa tertinggi dalam sesebuah negara. Kesemua elemen ini menjadi kayu ukur bagi menilai tahap kedaulatan sesebuah negara berdasarkan perspektif *siyādah syariyyah*.

Konsep Hakimiyyah Di Dalam Makna Siyadah Syariyyah

Al-Ghazali dalam kitabnya *Mustasfā* telah menjelaskan berkenaan dengan *al-hākim* bahawa tidak ada pemerintah melainkan ia adalah milik Allah sahaja, tiada pemerintah bagi Rasul, tiada kuasa pemerintahan bagi tuan terhadap hambanya dan apa sahaja bagi makhluk ke atas makhluk yang lain. Semuanya adalah hukum Allah Taala dan tiada pemerintahan bagi yang selainNya. Seterusnya, mengenai hak dalam membuat hukum, ia adalah hak bagi yang mencipta dan memerintah. Allah adalah penentu hukum, penguasa terhadap orang yang dikuasai dan tiada kuasa melainkan Yang Maha Pencipta.

Justeru, hukum dalam pemerintahan adalah milik Allah., maka Nabi SAW, Sultan, tuan, bapa dan suami apabila memerintah, maka menjadi wajib untuk mentaati mereka kerana ia menjadi wajib kerana Allah. Jika tidak dilakukan seperti ini, maka setiap makhluk akan mewajibkan sesuatu ke atas orang lain dan orang yang diwajibkan itu akan mengembalikan apa yang diwajibkan. Hal ini disebabkan salah seorang daripada kedua manusia itu tidak mempunyai kelebihan daripada yang lain.

Kekuasaan sangat berkait rapat dengan politik. Justeru itu, Sayyid Qutb memberi penekanan yang lebih kepada konsep kekuasaan ini dengan membangkitkan isu *al-hākimiyyah*. Beliau banyak menggunakan istilah ini dalam membahaskan ayat-ayat al-Qur'an yang berkaitan dengan kekuasaan, pemerintahan, perlembagaan dan sistem cara hidup yang aman amat rapat dengan isu politik. Sebagai contoh:

⁷ Muhammad Firdaus Zalani dan Anwar Fakhri Omar, The Importance of Syaradat Al-shari'ah in Siyasah Syar'iyyah, *Journal of Advanced Research in Social and Behavioural Sciences*, 15(1) 2019, pp. 69-84.

⁸ Nurdin, "Konsep Keadilan Dan Kedaulatan Dalam Perspektif Islam dan Barat." *Media Syari'ah* 13(1) 2017, pp. 121-130.

⁹ A. Nurhayati, "Konsep Kekuasaan Kepala Negara Dalam Ketatanegaraan Islam". *ASAS*, 8(2) 2016.

مَا تَعْبُدُونَ مِنْ دُوْنِهِ إِلَّا أَسْمَاءً سَمَّيْتُمُوهَا أَنْتُمْ وَإِبْرَاهِيمَ مَآ أَنْزَلَ اللَّهُ بِكُمْ إِنَّ
الْحُكْمَ إِلَّا لِلَّهِ هُوَ أَمْرٌ إِلَّا تَعْبُدُوا إِلَّا إِيَّاهُ هُوَ ذُلِّكَ الَّذِي أَنْقَبَ الْقَيْمَ وَلَكِنَّ أَكْثَرَ النَّاسِ لَا يَعْلَمُونَ

٤٠

Terjemahannya: “Apa yang kamu sembah, yang lain dari Allah, hanyalah nama-nama yang kamu menamakannya, kamu dan datuk nenek kamu, Allah tidak pernah menurunkan sebarang bukti yang membenarkannya. Sebenarnya hukum (yang menentukan amal ibadat) hanyalah bagi Allah. Ia memerintahkan supaya kamu jangan menyembah melainkan Dia. Yang demikian itulah Ugama yang betul, tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui.”

(Yūsuf 12: 40)

Beliau menyebut dengan jelas konsep kuasa pemerintahan yang dimaksudkan oleh kata-kata nabi Yusuf kepada dua banduan penjara yang bersama baginda. Dalam buku ini juga, Sayyid Qutb memberi penekanan kepada konsep kekuasaan manusia dengan gaya bahasa yang halus penuh sindiran terhadap golongan manusia yang berkuasa. Secara umumnya, dapat disimpulkan disini konsep kekuasaan dijelaskan dengan mengaitkan dengan aspek keimanan seseorang kepada Allah SWT dan hakikat manusia serta peranannya di muka bumi. Selain itu juga, beliau menjelaskan tentang peranan aqal yang dianugerahkan Allah kepada manusia dan hubungkaitnya dengan *al-Hākimiyah* Allah S.W.T.

Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa konsep *hākimiyah* adalah berdasarkan kepercayaan bahawa Tuhan adalah yang paling utama sumber segala kuasa dan bahawa manusia bertanggungjawab untuk membawa mengeluarkan kehendak-Nya di Bumi. Kepercayaan ini telah menyebabkan sebahagian umat Islam memperjuangkan pelaksanaan syariat Islam sebagai satu-satunya sumber hukum dan panduan dalam masyarakat Islam.

Kedaulatan Menegakkan prinsip *siyādah syariyyah* di dalam sebuah negara bukanlah sekadar dengan pengisytiharaan bahawa negara tersebut telah menegakkan prinsip ini. Tetapi dalam menegakkannya dalam negara meliputi beberapa kayu ukur serta unsur-unsur yang boleh dinilai untuk melihat sejauh mana tahap kedudukan *siyādah syariyyah* dalam negara tersebut.

a. Kedudukan Syariah yang Diiktiraf oleh Sistem Perundangan Negara

Pengiktirafan menjadi asas yang menghalang daripada terhasilnya sebarang bentuk undang-undang atau tindakan pemerintah yang bertentangan dengan Islam iti sendiri. Ini dapat dilihat berdasarkan firman Allah SWT:

إِلَّا تَنْصُرُوهُ فَقَدْ نَصَرَهُ اللَّهُ إِذْ أَخْرَجَهُ الْأَذْدِينَ كَفَرُوا ثَانِيَ اثْنَيْنِ إِذْ هُمَا فِي الْغَارِ إِذْ يَقُولُ
لِصَاحِبِهِ لَا تَخْرُونَ إِنَّ اللَّهَ مَعَنَا فَأَنْزَلَ اللَّهُ سَكِينَتَهُ عَلَيْهِ وَأَيَّدَهُ بِجُنُودِ مَمْ تَرَوْهَا وَجَعَلَ كَلِمَةَ
الْأَذْدِينَ كَفَرُوا الْسُّفْلَى وَكَلِمَةُ اللَّهِ هِيَ الْعُلْيَا وَاللَّهُ عَزِيزٌ حَكِيمٌ

Terjemahannya: “Kalau kamu tidak menolongnya (Nabi Muhammad) maka sesungguhnya Allah telahpun menolongnya, iaitu ketika kaum kafir (di Makkah) mengeluarkannya (dari negerinya Makkah) sedang ia salah seorang dari dua (sahabat) semasa mereka berlindung di dalam gua, ketika ia berkata kepada sahabatnya: "Janganlah engkau berduakacita, sesungguhnya Allah bersama kita". Maka Allah menurunkan semangat tenang tenteram kepada (Nabi Muhammad) dan menguatkannya dengan bantuan tentera (malaikat) yang kamu tidak melihatnya. Dan Allah menjadikan seruan (syirik) orang-orang kafir terkebawah (kalah dengan sehina-hinanya), dan Kalimah Allah (Islam) ialah yang tertinggi (selama-lamanya), kerana Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana.”

(al-Taubah 9: 40)

Berdasarkan ayat di atas telah menunjukkan bahawa Allah SWT telah memerintahkan manusia menjadikan syariat Islam sebagai sumber rujukan utama tau paling tinggi dalam sistem perundangan negara. Antara contohnya ialah rujukan utama bagi perlembagaan negara ini adalah syariat Islam, maka sebarang perkara yang bertentangan dengan syariat Islam adalah tertolak dan tidak terpakai.

Ayat tersebut bukan sahaja menjadikan al-Quran dan Sunnah sebagai rujukan negara, bahkan segala perkara berkaitan syariah iaitu *maqāsid*, *maṣlahah* dan *al-daruriyah al-khamsah* turut menjadi sandaran dengan adanya penyataan ini. Ia juga menjadikan undang-undang lain seperti undang-undang jenayah, ekonomi dan sosial mestilah berdasarkan kepada syarak. Maka sebuah negara yang ingin menegakkan prinsip *siyādah syariyyah* mestilah mempunyai peruntukan khusus dalam sistem perundangan negara yang mengangkat kedudukan syariah Islam sebagai rujukan utama negara.¹⁰

b. Pemerintah Mentadbir Berasaskan Syarak

Peruntukan yang mengiktirag syariat Islam dalam perundangan sahaja tidak mencukupi untuk menegakkan prinsip ini. Ia juga menuntut kepada pemerintah yang komited dalam melaksanakan segala urusan pentadbiran dan undang-undang negara berdasarkan prinsip ini. Al Mawardi turut menyebut tentang peranan pemerintah:

حراسة الدين وسياسة الدنيا به

Terjemahannya: “Memelihara agama serta mentadbir dunia berdasarnya (agama)”.

Hal ini menunjukkan bahawa setiap undang-undang atau tindakan yang ingin dibuat oleh pemerintah dalam dunia ini adalah terikat dengan ikatan syarak.¹¹ Selain itu, al-Tabari menyebutkan bahawa yang dimaksudkan dengan amar makruf di sini ialah menyeru manusia untuk mentauhidkan Allah SWT serta sentiasa taat akan segala perintah-Nya, manakala yang dimaksudkan dengan nahi mungkar ialah menahan daripada mensyirikkan

¹⁰ Muhammad Firdaus Zalani dan Anwar Fakhri Omar, Importance of Syaradat Al-shari'ah in Siyasah Syar'iyyah, *Journal of Advanced Research in Social and Behavioural Sciences* 15(1) 2019, pp. 69-84.

¹¹ Aznan Hasan, “Kefardhuan Mengundi Calon Muslim Berwibawa Di Dalam Pilihan Raya”, Kertas kerja yang dibentangkan di Muzakarah Kefardhuan Mengundi Calon Muslim Berwibawa, 2013.

Allah serta melakukan perkara maksiat yang telah diharamkan olehNya.¹² Al-Qurtubi juga meriwayatkan bahawa Sahl bin Amru r.a. menegaskan bahawa melakukan amar makruf nahi mungkar adalah satu kewajipan ke atas pemerintah serta ulama' yang berada di sekeliling. Oleh itu, apabila terlaksana tanggungjawab pemerintah amar ma'ruf wa nahi mungkar ini, maka akan tertegaklah prinsip *siyādah syariyyah*.¹³

Menurut Islam, seorang pemimpin itu memperoleh kekuasaan pemerintahan itu melalui dua sumber iaitu Allah dan Rasul serta baih daripada rakyat. Seseorang pemimpin itu mempunyai hak ke atas kekuasaan selagi mana pemimpin tersebut berjalan di dalam lingkungan tuntutan syarak serta didokong oleh rakyat. Apabila hilang salah satu daripada dua sumber tersebut, akan hilanglah hak kekuasaan terhadap pemimpin untuk terus memimpin.¹⁴

Oleh sebab itu, al-Maududi memberi pandangan bahawa wajib kita dalam menegakkan Islam atau *siyādah syariyyah* untuk memastikan perkara tersebut tertegak. Jadi mempunyai pemerintah yang komited untuk melaksanakan syariat Islam, yang menghalalkan apa yang halal, mengharamkan apa yang haram, membawa masyarakat menuju *maqāsid* serta *maslahah* berdasarkan syarak adalah unsur yang penting bagi memastikan prinsip *siyādah syariyyah* ini tercapai.¹⁵

c. Masyarakat yang Mendokong Kedaulatan Islam

Antara perkara yang penting dalam memastikan prinsip ini tercapai ialah unsur sokongan dan dorongan daripada masyarakat atau rakyat negara tersebut. Rakyat hendaklah mempunyai kefahaman serta gambaran bahawa kedudukan syariat Islam dalam negara adalah sebagai rujukan dan sandaran dalam semua perkara. Ia berasaskan Firman Allah SWT:

وَقَاتُلُوهُمْ حَتَّىٰ لَا تَكُونَ فِتْنَةٌ وَيَكُونَ الْدِينُ كُلُّهُ لِلَّهِ هٰذِهِ آنَتَهُوا فَإِنَّ اللَّهَ يُعْلَمُ بِمَا يَعْمَلُونَ بِصَبِرٍ

Terjemahannya: “Dan perangilah mereka sehingga tidak ada lagi fitnah dan (sehingga) menjadilah agama itu seluruhnya (bebas) bagi Allah semata-mata. Kemudian jika mereka berhenti (dari kekufurannya dan gangguannya, nescaya mereka diberikan balasan yang baik) kerana sesungguhnya Allah Maha Melihat akan apa yang mereka kerjakan.”

(al-Anfal 8: 39)

Al-Qutb menjelaskan berkenaan dengan ayat di atas bahawa istilah agama (*al-dīn*) bukanlah bermaksud agama yang dianuti tetapi ianya membawa maksud sistem Islam yang didaulatkan sesebuah negara.¹⁶ Dalam *siyādah syariyyah*, al-Ghadban menerangkan bahawa orang bukan Islam dalam sesebuah negara Islam boleh dibuang kerakyatan apabila tidak mengiktiraf kedaulatan Islam yang menjadi tunjang negara tersebut. Ini berdasarkan kisah Rasulullah SAW menghalau keluar kaum Yahudi daripada Kota Madinah oleh kerana mereka tidak lagi mengiktiraf kedaulatan Islam dengan cara mengkhianati perjanjian

¹² Muhamat Kawangit Razaleigh, “Kedudukan Politik Dalam Islam”, *Universiti Kebangsaan Malaysia*, 2014.

¹³ *Ibid.*

¹⁴ A. Nurhayati, “Konsep Kekuasaan Kepala Negara Dalam Ketatanegaraan Islam. ASAS, 8(2) 2016.

¹⁵ Aznan Hasan, “Kefardhuan Mengundi Calon Muslim Berwibawa Di Dalam Pilihan Raya”, Kertas kerja yang dibentangkan di Muzakarah Kefardhuan Mengundi Calon Muslim Berwibawa, 2013.

¹⁶ A. Nurhayati, “Konsep Kekuasaan Kepala Negara Dalam Ketatanegaraan Islam. ASAS, 8(2) 2016.

dengan Nabi SAW iaitu membantu musuh menyerang Kota Madinah dalam perperangan Ahzab.¹⁷

Kedaulatan Negara Dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia Berdasarkan Perspektif Siyadah Syariyyah

Perlantikan Malaysia sebagai salah sebuah negara anggota Persatuan Bangsa-bangsa Bersatu telah membuktikan bahawa Malaysia merupakan sebuah negara yang berdaulat. Dengan wujudnya kedaulatan ini, nama Malaysia dikenali di mata dunia. Perlantikan sebagai anggota PBB telah menunjukkan kejayaan Malaysia dalam menerima sokongan yang kuat daripada negara luar terutamanya negara yang tidak mengenali Malaysia sebelum ini.

Namun begitu, adakah negara Malaysia yang telah diiktiraf sebagai negara berdaulat di mata dunia ini mengamalkan konsep *siyādah syariyyah* dengan sempurna mengikut siyasah syar'iyyah? Dengan ini, kita melusuri kembali prinsip *siyādah syariyyah* yang perlu diaplikasikan oleh sesebuah negara untuk mengisyihar mereka sebagai negara yang berdaulat menurut Islam secara keseluruhan. Terdapat tiga prinsip penting dalam menjadikan Malaysia sebagai negara yang berdaulat menurut siyasah syar'iyyah iaitu sistem perundangan yang berlandaskan syariat, pemimpin yang bersyariat, dan rakyat yang mendokong kedaulatan syariat Islam. Persoalan ini dapat dijawab dengan melihat kepada ketiga-tiga prinsip ini dengan mendalam.

Pertama, adakah sistem perundangan Malaysia dilaksanakan sepenuhnya berlandaskan syariat Islam? Asas kepada perundangan Malaysia adalah Perlembagaan Persekutuan Malaysia dan perlembagaan ini merupakan kuasa yang tertinggi dalam perundangan. Perkara pertama yang kita perlu bahas dalam perlembagaan ini adalah kedudukan agama Islam yang diamalkan di Malaysia. Menurut Perlembagaan Persekutuan Perkara 3(1), “Agama Islam adalah agama bagi persekutuan; tetapi agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana bahagian Persekutuan. Selain itu, Perkara 11 menegaskan tentang kebebasan rakyat dalam beragama, “Setiap orang mempunyai hak untuk menganuti dan mengamalkan agamanya dan tertakluk kepada Fasal (4), mengembangkan agamanya”. Malaysia telah menggariskan bahawa Islam adalah agama persekutuan dan agama lain bebas diamalkan.

Disini dapat dilihat bahawa tiada sebarang peruntukan yang khusus untuk Malaysia melaksanakan undang-undang yang digariskan oleh Allah SWT. Hujah ini pula berkait dengan perkara kedua iaitu berkenaan kedudukan syariat Islam dalam bidang kehakiman di Malaysia. Mahkamah utama yang diberikan kuasa untuk menjatuhkan hukuman keatas kesalah jenayah adalah milik Mahkamah Sivil. Mahkamah Syariah pula hanya mengupas kes-kes yang berkaitan dengan isu keagamaan seperti perkahwinan dan penceraian. Apakah hukuman jenayah yang berlandaskan syariat Islam? Dalam Islam, undang-undang hudud, *qisas* dan *ta'zir* merupakan satu ketetapan milik Allah SWT. Namun begitu, dalam konteks di Malaysia, hudud tidak akan dapat dijalankan kerana setiap bidang tertakluk kepada peraturan yang ditetapkan dalam Perlembagaan Persekutuan dan tiada sebarang peruntukan untuk hudud dilaksanakan melainkan pindaan perlembagaan.

Kedua, adakah pemerintah di Malaysia melaksanakan pemerintahan yang bersyariat? Sekalipun realiti di Malaysia bahawa siyasah syar'iyyah tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya, adakah pemerintah ini sudah berusaha sehabis baik untuk

¹⁷ M. M. Ghadban, *Manhaj Haraki dalam Sirah Nabawi* (Indonesia: Pustaka Mantiq, 1994).

mengetengahkannya? Perbahasan mengenai hudud, Parti PAS sebelum ini pernah memperkenalkan draf Rang Undang-undang (RUU) 355 bagi menaiktaraf bidang kuasa jenayah Mahkamah Syariah iaitu hukuman maksimum penjara 30 tahun, denda maksimum RM100,000 dan maksimum sebatan 100 kali. Namun, usul ini masih tiada keputusan dan penghujungnya tetapi sekurangnya ada sebahagian pemerintah yang berjuang untuk menegakkan kedudukan Mahkamah Syariah dalam bidang kehakiman.

Ketiga, adakah rakyat di Malaysia mendokong kedaulatan Islam? Sekiranya Malaysia benar-benar melaksanakan hukum hudud, adakah rakyat Malaysia akan menyokong sepenuhnya hukuman tersebut? Kuasa yang lebih tinggi dalam pemerintahan di Malaysia adalah pemerintah jika dibandingkan dengan kuasa yang rakyat perolehi.

Kesimpulannya, kajian ini mendapati bahawa Malaysia negara berdaulat di mata dunia namun belum lagi dapat dinyatakan sebagai sebuah negara yang berdaulat menurut siyasah syar'iyyah. Perlembagaan Persekutuan Malaysia tidak memberikan ketatapan bahawa Malaysia adalah sebuah negara Islam, jadi tiada bukti untuk mengisyihar Malaysia sebagai negara berdaulat menurut siyasah syar'iyyah. Hakikatnya, Malaysia adalah negara yang penduduknya beragama Islam secara majoriti.

KESIMPULAN

Rumusannya, prinsip *siyādah syariyyah* adalah antara perkara asasi yang penting di dalam *siyasah syariyyah*. Ia merupakan antara perkara asas yang bersifat *thawābit* yang tidak akan berubah walaupun berbeza masa, tempat atau suasana. Prinsip ini juga menjadi titik perbezaan utama antara konsep politik yang bersandarkan syarak dengan konsep politik yang lain. Prinsip ini meletakkan bahawa Islam itu dijadikan sandaran paling utama dalam semua urusan termasuklah dalam hal kenegaraan terutamanya di Malaysia.

Oleh itu, telah menjadi tanggungjawab serta peranan seluruh umat Islam khususnya pemerintah Islam di serata dunia hari ini berusaha untuk memastikan prinsip ini tertegak dalam negara yang mereka berada padanya. Menegakkan prinsip ini dalam sesbuah negara pula hendaklah dilihat pada tiga dimensi iaitu pengukuhan terhadap sistem perundangan negara, pemerintah yang komited dalam melaksanakan prinsip ini serta seluruh masyarakat memahami serta mendokong prinsip ini. Maka wasilah untuk menegakkan prinsip ini adalah pelbagai antaranya ialah wasilah di dalam pendidikan, penubuhan badan dan institusi Islam serta pemerkasaan undang-undang yang boleh menyumbang ke arah pengukuhan prinsip *siyādah syariyyah*.

RUJUKAN

- A. Nurhayati, “Konsep Kekuasaan Kepala Negara Dalam Ketatanegaraan Islam”. *ASAS*, 8(2), 2016.
- Ahmad Suhael Adnan, “Malaysia Hantar Nota Bantahan 16 Pesawat China Ceroboh Ruang Udara”, Berita Harian, 2 Jun 2021, <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/06/823368/malaysia-hantar-nota-bantahan-16-pesawat-china-ceroboh-ruang-udara>.
- Aznan Hasan. “Kefardhuan Mengundi Calon Muslim Berwibawa Di Dalam Pilihan Raya”. Kertas kerja yang dibentangkan di Muzakarah Kefardhuan Mengundi Calon Muslim Berwibawa, 2014.
- D. S. Aziz, “Memahami konsep kedaulatan undang-undang”, *Berita Harian*, 6 Mei 2015, diakses pada 13 disember 2022, <https://www.bharian.com.my/kolumnis/2015/05/53148/memahami-konsep-kedaulatan-undang-undang>.
- Laman Rasmi Institut Kefahaman Islam Malaysia – IKIM, “*Kedaulatan Undang-undang*”, diakses pada 15 Januari 2021, <https://www.ikim.gov.my/index.php/2015/02/17/kedaulatan-undang-undang-2/>.
- Laman Rasmi Kerajaan Malaysia (MyGov), diakses pada 21 Januari 2023, <https://www.malaysia.gov.my/portal/content/30109?language=my>.
- M. M. Ghadban, *Manhaj Haraki dalam Sirah Nabawi*. Pustaka Mantiq, Solo, 1994.
- Mohd Ainuddin Iskandar Lee Abdullah, “Kedaulatan Dan Keselamatan Negara Tanggungjawab Bersama”, *Seminar Antarabangsa Nilai dalam Komuniti Pasca Modernisme* – SIVIC, 2004.
- Muhamat Kawangit Razaleigh, “Kedudukan Politik Dalam Islam”, *Universiti Kebangsaan Malaysia*, 2014.
- Muhammad Firdaus Zalani dan Anwar Fakhri Omar, Importance of Syaratdat Al-shari'ah in Siyasah Syar'iyyah, *Journal of Advanced Research in Social and Behavioural Sciences* 15(1) 2019, pp. 69-84.
- Nurdin, “Konsep Keadilan Dan Kedaulatan Dalam Perspektif Islam Dan Barat”. *Jurnal Syariah*, 13 (1), 2017, pp. 121-130.
- Tanpa penulis, “Kedaulatan undang-undang untuk semua lapisan masyarakat”, *Malaysia Now*, 28 November 2021, diakses pada 3 Januari 2023, <https://www.malaysianow.com/my/opinion/2021/11/28/kedaulatan-undang-undang-untuk-semua-lapisan-masyarakat>.